

PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DALAM TALIAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Online Teaching and Learning for the Period of Movement Control Order

Nur Hazirah Hairia'an¹, Masayu Dzainudin^{2*}

^{1,2}Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

hazirah_95@ymail.com¹, masayu@fpm.upsi.edu.my²

* Corresponding Author

Received: 27 Oktober 2020; Accepted: 08 Disember 2020; Published: 14 Disember 2020

ABSTRAK

Sepanjang pandemik Covid-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi kesan kepada pusat pendidikan awal kanak-kanak. Pada tempoh PKP kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian telah dilaksanakan bagi memastikan kanak-kanak dapat mengikuti dan melakukan aktiviti PdP mereka semasa di rumah. Pendidik juga menggunakan beberapa aplikasi dalam talian sebagai kaedah PdP bagi menggantikan kaedah PdP secara bersemuka. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap penggunaan aplikasi dalam talian yang digunakan oleh pendidik awal kanak-kanak sebagai kaedah PdP dalam tempoh PKP. Reka bentuk kajian tinjauan dilakukan yang melibatkan 74 responden yang terdiri daripada pendidik awal kanak-kanak di sekitar negeri Johor. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengkaji dan mengukur tahap penggunaan aplikasi dalam talian oleh responden. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif statistik menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23 untuk mendapatkan taburan kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan aplikasi dalam talian oleh pendidik awal kanak-kanak berada pada tahap yang memuaskan, terutamanya dalam menggunakan aplikasi *WhatsApp* sebagai kaedah penyampaian PdP yang efektif dalam tempoh pelaksanaan PKP.

Kata kunci: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pengajaran dan pembelajaran dalam talian, pendidikan awal kanak-kanak

ABSTRACT

The pandemic of Covid-19 has caused the implementation of Movement Control Order (MCO) which affected early childhood education centers. During the MCO period, teaching and learning method is changed to online learning to ensure that children could adhere to and do their TnL activities while at home. Educators also use some online applications as PdP methods to replace PdP methods face to face. The purpose of this study is to examine the level of online applications used by early childhood educators as a method of TnL during the MCO period. The research design of the study is survey which was involving 74 respondents consisting of early childhood educators around the state of Johor. Questionnaire was used as a research instrument of the study and to measure the level of online application used by respondents. The data obtained were analyzed statistically descriptive using *Statistical Package for Social Science* (SPSS) version 23 software to obtain the distribution of frequency, percentage and mean. The findings show that the level of use of online applications by early childhood educators is at a satisfactory level, especially in using the *WhatsApp* application as an effective TnL delivery method during the implementation of MCO.

Keywords: Movement Control Order (MCO), online teaching and learning, early childhood education

PENGENALAN

Dalam era teknologi masa kini, proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) tidak hanya memfokuskan kepada penggunaan bahan bacaan sahaja, tetapi ianya lebih tertumpu kepada kaedah pengajaran guru melalui penggunaan teknologi yang lebih menarik minat kanak-kanak dalam menyediakan pembelajaran secara interaktif. Objektif pengajaran yang mencapai kehendak amat mementingkan penggunaan alat bantu mengajar (ABM) bagi setiap rancangan pengajaran yang dirancang (Abdul Halim Masnan & Nor Mashitah Mohd Radzi, 2015). Justeru, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi *Information and Communication Technology* (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah merupakan salah satu cara untuk meningkatkan keberkesanan PdPc prasekolah.

ICT menawarkan pendekatan baru untuk belajar dan penguasaan kemahiran baru. Oleh itu kanak-kanak perlulah didedahkan kepada ICT dengan cara yang bermakna. Menurut Mohd Nazri Md Saad (2017), teknologi multimedia dan komunikasi telah ditemui dan dibangunkan pada tahun 2016 secara langsung melibatkan aktiviti harian masyarakat hari ini. Antaranya teknologi *live streaming*, *virtual and augmented reality*, *artificial intelligence*, *the internet-ofthing (IOT)*, *Big Data* dan *App Streaming*. Kesemua teknologi ini juga mempengaruhi corak dan gaya pembelajaran kanak-kanak pada hari ini.

Menyedari hakikat ini Kementerian Pendidikan Malaysia (2003), menyatakan bahawa program prasekolah diberikan prioriti dan dijadikan sebahagian elemen penting di mana ia bukan sahaja diambil kira sebagai salah satu komponen dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK) malah pendekatan PdPc menggunakan ICT juga diutamakan. Pada tahun 2008/2009 KPK disemak semula. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang digubal diguna pakai mulai Januari 2010.

KSPK digubal dengan memberikan penekanan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran yang diketahui dan dilakukan oleh kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Standard kandungan dan standard pembelajaran berpaksikan kepada pengetahuan, kemahiran asas serta nilai dalam enam tunjang pembelajaran. Tunjang-tunjang pembelajaran KSPK terdiri daripada komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan estetika, dan keterampilan diri.

Terdapat ribuan aplikasi baharu yang dihasilkan setiap hari oleh pembangun perisian seluruh dunia yang dilihat semakin meningkat dalam kegunaan persendirian, pendidikan dan pengurusan (Mohd Nazri Md Saad, 2017). Peluang yang cerah terhadap pembangunan aplikasi mudah alih dalam bidang pendidikan guru akan datang disebabkan oleh teknologi mudah alih penting dan bermanfaat dalam meningkatkan mutu PdPs sebagai cara untuk kekal dan berdaya saing dalam dunia pendidikan pada masa akan datang (Pavlik, 2015).

Bagi merentas kurikulum, guru pendidikan awal kanak-kanak digalakkan menggunakan ICT dalam PdPc. Pendekatan ICT digunakan untuk membantu proses PdPc, memperolehi maklumat, berinteraksi dengan bahan untuk belajar sendiri dan bersama rakan sebaya dan memperkayakan pengalaman pembelajaran. Setiap kelas prasekolah telah diperuntukkan dengan sistem komputer dan perisian untuk kanak-kanak prasekolah oleh Kementerian Pelajaran bagi menjayakan rancangan ini.



Pernyataan Masalah

Guru yang efektif sentiasa mendalami bidang atau subjek yang diajar. Dalam memastikan kanak-kanak melakukan amalan pembelajaran yang efektif, guru memainkan peranan yang penting dalam membina asas pendidikan yang kukuh (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Menurut Khairah (2020), Kementerian Pendidikan telah memberikan garis panduan yang memperincikan peranan dan tanggungjawab pentadbir, guru, ibu bapa dan pelajar untuk memastikan kelancaran pengajaran dan pembelajaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan daripada itu, cabaran kepada guru amat tinggi untuk berjuang dalam memastikan kelas tetap dijalankan walaupun berlaku krisis disebabkan oleh pandemik *Novel Coronavirus* (Covid-19). Bagi memastikan kanak-kanak tidak keciciran dari mendapatkan pembelajaran dan pendidikan dalam tempoh PKP, guru perlu mengharungi kebiasaan baharu atau lebih dikenali sebagai *the new normal* dalam proses PdPc. Sikap guru memainkan peranan yang penting bagi memastikan teknologi maklumat digunakan secara efektif dan juga mempengaruhi tahap keyakinan guru terhadap penggunaan komputer dalam bilik darjah (Ertmer *et al.*, 2012). Dalam konteks pendidikan di Malaysia, selain sikap guru dan terlalu berorientasikan akademik, guru juga didapati mempunyai bebanan kerja yang berat antaranya adalah bilangan kanak-kanak yang ramai di dalam satu kelas (25 orang), kurang masa untuk membuat persediaan dan kekurangan alat bantu mengajar yang bersesuaian (Norsita, 2014).

Dalam tempoh PKP ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan panduan pelaksanaan PdPc bermula 1 April 2020 yang merangkumi pembelajaran secara dalam talian menggunakan *Google Classroom* supaya pelajar tidak ketinggalan dalam pendidikan. Pelaksanaan pembelajaran dalam talian ini memerlukan pelajar membina kemahiran pembelajaran sepanjang hayat. Bagi pelajar sekolah, ibu bapa perlu memainkan peranan mendidik anak-anak untuk mendapatkan kemahiran ini dengan menunjukkan contoh susunan jadual yang bersesuaian dengan mata pelajaran tertentu, kemudian memberikan pilihan kepada anak untuk mengubahsuai jadual tersebut. Ibu bapa pada mulanya perlu membimbing anak menyusun tugas yang diberikan oleh guru untuk diselesaikan dan hantar kepada guru secara maya. Guru perlu memberi maklum balas kepada hasil kerja pelajar supaya mereka terus bermotivasi untuk menyelesaikan tugas seterusnya. Pelajar juga diberi peluang untuk berkomunikasi dengan rakan sekelas bagi membincangkan tugas dan pembelajaran. Lama-kelamaan, pelajar boleh berdikari untuk meneruskan pembelajaran dalam talian ini (Fatin Aliah Phang, 2020).

Melalui pembelajaran dalam talian, penglibatan dari guru, ibu bapa dan kanak-kanak amat penting dalam memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai. Ini bermakna, kemahiran guru dalam menggunakan peralatan elektronik seperti komputer, internet, *Microsoft PowerPoint*, video serta aplikasi dalam talian sangat diperlukan dalam memastikan kanak-kanak mendapat kefahaman, minat dan komitmen kanak-kanak dalam sesi pembelajaran. Komunikasi antara guru dan ibu bapa sangat penting semasa tempoh PKP ini untuk memastikan waktu terluang kanak-kanak diisi dengan sesuatu yang bermakna dan ilmiah.

Dalam kajian Azhar Ahmad dan Mohd Mahzan Awang (n.d), yang mendapati guru tidak menghadapi masalah menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi, namun begitu mereka hanya menggunakannya dalam kerja-kerja pentadbiran dan pembinaan slaid



powerpoint dan tidak mengaplikasikan teknologi maklumat dan komunikasi dengan lebih kreatif seperti membina perisian pendidikan, animasi dan multimedia. Begitu juga dengan kajian Milbrath dan Kinze (2000), Wu *et al.* (2008), dan Noraini Mohamed Noh *et al* (2010), mendapati guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri komputer yang tinggi lebih suka mengintergrasikan ICT dalam PdP berbanding guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri komputer yang rendah. Terutamanya di peringkat prasekolah yang pelajarnya adalah kanak-kanak yang berumur 6 tahun dan ke bawah. Pelaksanaan PdPc dalam talian amat mencabar dalam memastikan kanak-kanak ini memberi tumpuan dan berminat untuk meneruskan pembelajaran mereka.

Konklusinya, tahap pengetahuan guru dalam teknologi amat penting dalam memastikan PdPc semasa tempoh PKP berjalan dengan lancar dan mencapai objektif pembelajaran serta menarik minat kanak-kanak untuk menjalani proses pembelajaran walaupun berada di rumah.

Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengkaji tahap penggunaan aplikasi dalam talian pendidik awal kanak-kanak negeri Johor semasa pelaksanaan PdPc.
- ii. Mengukur tahap penggunaan aplikasi dalam talian pendidik awal kanak-kanak negeri Johor semasa pelaksanaan PdPc.

Pembelajaran dan Pemudahcaraan

Pembelajaran Abad ke-21 ialah suatu transformasi dalam dunia pendidikan iaitu daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) kepada kaedah PdPc yang lebih kreatif dan dinamik dengan menyediakan kandungan pembelajaran yang lebih relevan dan sesuai dengan perkembangan semasa. Jika dahulu, guru dianggap sebagai sumber utama untuk mendapatkan maklumat, kini peranan guru telah berubah secara drastik (Terpollari, 2011). Oleh yang demikian, persediaan guru penting memandangkan guru merupakan kumpulan pelaksana yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan perubahan tersebut sekaligus menerima segala perubahan dengan cekap dan efektif.

Kaedah PdPc menyedarkan guru bahawa dunia pendidikan perlu seiring dengan perkembangan zaman agar tidak ketinggalan. Seiring dengan itu, kaedah PdPc perlu diubahsuai kearah perkembangan teknologi siber dan berpusatkan kanak-kanak supaya dapat menarik minat kanak-kanak untuk menghayati pembelajaran yang dipelajari sekaligus memantapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) mereka.

Pelaksanaan PdPc

Seorang guru yang cemerlang perlu memiliki ilmu pengetahuan, kepakaran, kemahiran dan motivasi yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab, terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jika dahulu, guru dianggap sebagai fasilitator dalam PdPc, berbanding kaedah konvensional seperti memberi syarahan atau '*chalk and talk*'. Pada era

moden ini, guru bertanggungjawab untuk menyampaikan kandungan pembelajaran, menjana satu persekitaran pembelajaran yang aktif dan membina, serta menggalakkan kanak-kanak untuk mengemukakan persoalan dan idea. Oleh itu, guru perlu bijak untuk memastikan PdPc yang dikendalikan menjadi satu pengalaman yang bermakna bagi kanak-kanak.

Wiens *et al.*, (2013), melaporkan bahawa seorang guru yang berkualiti memberi sokongan dan motivasi dalam bentuk kognitif, emosi dan sosial kepada kanak-kanak. Hal ini bermaksud, guru bukanlah sekadar menjadi penyampai kandungan pengajaran, malah turut menyampaikan emosi dan menyebarkan kesedaran sosial tentang bidang pengkhususan yang diwakili. Oleh sebab itu, guru perlulah mahir menggunakan teknologi dan berkebolehan untuk membangunkan potensi pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Hasil kajian terdahulu juga terbukti bahawa kanak-kanak menunjukkan kesan yang positif terhadap minat, pemahaman dan motivasi mereka dalam proses pembelajaran yang melibatkan visual (Noor Fadzilah Ab Rahman *et al.*, 2017). Kementerian Pendidikan Malaysia membuka peluang yang luas kepada guru-guru sekolah rendah supaya dapat menambahkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan teknik pengajaran berbantuan komputer dan teknologi maklumat (Adenan Ayob, 2015).

Perintah Kawalan Pergerakan

Kerajaan Malaysia telahewartakan PKP bermula 18 Mac 2020, bagi mengurangkan penularan wabak pandemik Covid-19 (Perutusan Khas Perdana Menteri, 2020). PKP di Malaysia dijalankan secara berperingkat dan kini berada pada fasa ke-empat, berdasarkan kitaran pengurusan krisis mengikut piawaian antarabangsa *International Organisation for Standardization* (ISO) (Pursiainen, 2018). Antara peraturan utama yang ditetapkan semasa tempoh PKP adalah penutupan premis kerajaan dan swasta, kecuali perkhidmatan utama negara seperti kesihatan dan keselamatan, telekomunikasi, peruncitan, kewangan dan pengangkutan (Majlis Keselamatan Negara, 2020). Di kebanyakan negeri, waktu operasi bagi beberapa sektor perkhidmatan dihadkan kepada 8 hingga 10 jam sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Di Sabah misalnya, premis peruncitan seperti pasar awam, restoran, stesen minyak, perkhidmatan penghantaran, pasaraya, dan pekilangan hanya dibenarkan beroperasi sehingga 6.00 petang (Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, 2020).

Krisis wabak sindrom pernafasan akut Covid-19 yang mula dikesan di bandaraya Wuhan, China pada Disember 2019 telah menular secara global ke lebih 200 buah negara merangkumi Asia, Eropah, Amerika dan Australia. Wabak ini telah dikategorikan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization*, 2019) apabila menunjukkan peningkatan jangkitan dari manusia ke manusia berterusan (Qiu *et al.*, 2017). Wabak ini telah menyebabkan lebih 60,000 kematian dalam tempoh tiga bulan (*World Health Organization*, 2019). Covid-19 mencatat statistik jangkitan dan kematian paling tinggi dan cepat berbanding wabak coronavirus yang lain seperti MERS-CoV, SARS-CoV dan Influenza (Liu *et al.*, 2020).

Kaedah sekatan pergerakan dilihat sebagai satu pendekatan terbaik untuk mengawal penyebaran wabak berjangkit seperti coronavirus (Chinazzi *et al.*, 2020). Bagi krisis wabak Covid-19, kebanyakan negara telah mengarahkan sekatan perjalanan, penjarakan sosial, dan pengguhan acara bagi tempoh tidak kurang 14 hari di negara masing-masing. Perintah darurat atau kuarantin yang dijalankan bukan sahaja memberi kesan kepada pelakuan dan psikologi manusia seperti kemurungan, gemuruh dan stress (M Fakhrull Halim, 2020) malah turut

memberi impak kepada aktiviti ekonomi lantaran penutupan premis peruncitan dan gangguan rantai pengantaran produk (Karabag, 2020). Dalam petikan Bernama (2020a) Pengarah Pusat Kaunseling UPSI Fauziah Mohd Sa'ad menyatakan bahawa individu yang rasional mampu untuk mengikut arahan secara positif. Maka, dalam tempoh PKP ini, pembelajaran dalam talian merupakan pilihan dan keperluan yang utama walaupun sebelum ini pembelajaran dalam talian hanyalah satu pilihan, tetapi dengan penguatkuasaan PKP, dalam petikan Bernama (2020b) Pensyarah Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti UKM Anuar Ahmad berkata bahawa ianya menjadi suatu keperluan memandangkan kanak-kanak hanya berada di rumah masing-masing.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan metode kuantitatif yang bertujuan untuk mengkaji tahap penggunaan dan kekerapan aplikasi dalam talian yang digunakan oleh pendidik awal kanak-kanak.

Sampel Kajian

Sampel kajian ini ditentukan berdasarkan persampelan bertujuan. Pendidik awal kanak-kanak di negeri Johor dipilih berdasarkan kepada jumlah tadika iaitu sebanyak 73 buah dan populasi pendidik awal kanak-kanak adalah $n=148$ orang dan hanya $n=74$ sahaja yang dipilih dalam kajian ini. Penentuan saiz sampel kajian ini adalah berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970), yang membolehkan pengkaji mengambil 50% daripada populasi sampel kajian.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian yang merangkumi tiga bahagian. Bahagian A merangkumi demografi responden. Bahagian B merangkumi soalan yang berkaitan dengan aplikasi dalam talian yang digunakan oleh pendidik awal kanak-kanak untuk melaksanakan PdPc dalam tempoh PKP. Bahagian C pula memuatkan item-item yang mengkaji tahap penggunaan aplikasi dalam talian semasa tempoh PKP pendidik awal kanak-kanak. Soal selidik ini berbentuk skala Likert empat mata mengandungi 5 pilihan jawapan iaitu;

Jadual 1

Pilihan Jawapan Skala Likert

Kod	Skala
STS	Sangat Tidak Setuju
TS	Tidak Setuju
KS	Kurang Setuju
S	Setuju
SS	Sangat Setuju

Borang soal selidik ini diuji kesahan dan kebolehpercayaan daripada tiga orang pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Setiap pakar telah mengesahkan kesahan muka dan kandungan, kebolehpercayaan, objektiviti, kebolehgunaan dan bahasa yang digunakan bagi memastikan item yang dibina bertepatan bagi menjawab objektif kajian.

Selepas mendapatkan kesahan daripada pakar, item soal selidik dimasukkan ke dalam aplikasi *Google Form* bagi memudahkan pengedaran soal selidik dalam tempoh PKP. Pautan *Google Form* yang lengkap dengan kesemua bahagian soal selidik diberikan kepada sampel kajian melalui aplikasi *Whatsapp* dan *Telegram*. Masa yang diberikan untuk menjawab soal selidik adalah dalam tempoh satu minggu.

Kaedah Analisis Data

Data yang diperolehi daripada sampel kajian dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian komputer "*Statistical Package for Social Science*" (SPSS) versi 23.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Sebelum analisis dijalankan pembersihan data dilakukan terlebih dahulu. Perkara ini sangat penting dilakukan untuk mengelakkan kemungkinan terdapat kesilapan semasa memasukkan data ke dalam program SPSS. Setelah data-data yang diperolehi selesai dibersihkan, analisis statistik deskriptif (kekerapan dan peratusan) dilakukan untuk menerangkan profil responden kajian yang terlibat dalam kajian ini. Min dan sisihan piawai dianalisis untuk mengkaji jenis aplikasi dalam talian yang digunakan dan tahap penggunaan aplikasi dalam talian yang digunakan oleh pendidik awal kanak-kanak di negeri Johor.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Sampel Kajian

Seramai 74 orang responden yang terdiri daripada guru-guru tadika swasta di negeri Johor telah disoal selidik. Huraian analisis latar belakang responden melibatkan aspek jantina, umur, pengalaman mengajar, tahap pendidikan dan tahap kemahiran ICT.

Jadual 2

Analisis Latar belakang Kekerapan dan Peratus Sampel Kajian

Pembolehubah	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	4	5.4%
Perempuan	70	94.6%
Umur		
20-24 tahun	25	33.8%
25-29 tahun	12	16.2%
30-34 tahun	11	14.9%
35 tahun dan ke atas	26	35.1%
Pengalaman Mengajar		
1 hingga 5 tahun	39	52.7%
6 hingga 10 tahun	10	13.5%
11 tahun dan ke atas	25	33.8%

Tahap Pendidikan		
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	7	9.5%
Diploma	32	43.2%
Ijazah Sarjana Muda	33	44.6%
Sarjana	2	2.7%
Kemahiran ICT		
Tidak mahir	3	4.1%
Mahir	65	87.8%
Sangat Mahir	6	8.1%

Berdasarkan Jadual 2, pendidik awal kanak-kanak perempuan lebih ramai dengan kekerapan 70 orang (94.6%) dan pendidik awal kanak-kanak lelaki dengan kekerapan 4 orang (5.4%) daripada jumlah keseluruhan responden. Kekerapan umur pula menunjukkan 35 tahun dan ke atas lebih tinggi peratusnya (35.1%) berbanding responden yang berumur 20 hingga 24 tahun (33.8%), 25 hingga 29 tahun (16.2%) dan 30 hingga 34 tahun (14.9%). Pengalaman mengajar juga menunjukkan majoriti responden mempunyai pengalaman mengajar selama 1 hingga 5 tahun (52.7%). Diikuti mereka yang mempunyai pengalaman mengajar selama 11 tahun dan ke atas dengan peratusnya sebanyak 33.8%. Manakala, mereka yang mempunyai pengalaman mengajar selama 6 hingga 10 tahun pula adalah 13.5%.

Bagi tahap pendidikan responden kajian pula didapati majoriti mempunyai Ijazah Sarjana Muda dengan peratusan 44.6%. Mereka yang mempunyai Diploma perlu adalah sebanyak 43.2% dan Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) sebanyak 9.5%. Responden yang mempunyai tahap pendidikan Sarjana pula dengan kekerapan dua (2) orang bersamaan 2.7%. Jadual 2 juga menunjukkan majoriti responden mahir dalam penggunaan ICT dengan kekerapan 65 orang bersamaan 87.8%. Diikuti oleh responden yang sangat mahir dalam penggunaan ICT dengan kekerapan 6 orang bersamaan 8.1%. Manakala seramai 3 orang responden bersamaan 4.1% tidak mahir dalam penggunaan ICT.

Tahap Penggunaan Aplikasi dalam Talian semasa PdPc ketika PKP

Berdasarkan Jadual 3, majoriti responden sangat tidak setuju (16.2%) dan tidak setuju (18.9%) bahawa penggunaan aplikasi dalam talian adalah lebih mudah untuk mengajar semasa PKP. Namun, majoriti responden bersetuju (39.2%) dan sangat setuju (29.7%) mengenai aplikasi *Whatsapp* yang digunakan semasa PdPc amat mudah untuk diakses dan diaplikasi. Begitu juga dengan penggunaan aplikasi *Telegram* yang mendapat 19 kekerapan persetujuan (25.7%) dan 15 kekerapan sangat setuju (20.3%). Majoriti responden juga menyatakan yang mereka selesai menggunakan teknologi maklumat untuk pengajaran yang lebih efektif dengan 24 kekerapan setuju (32.4%) dan 15 kekerapan sangat setuju (20.3%). Manakala majoriti responden berkemahiran dalam teknologi maklumat dengan 25 kekerapan (33.8%) dan 26 kekerapan (35.1%) berbanding 2 kekerapan sangat tidak setuju (2.7%) dan 5 kekerapan tidak setuju (6.8%).

Kekerapan responden dalam menjawab tentang penggunaan teknologi membolehkan kanak-kanak menjadi lebih aktif dan berminat dalam proses PdPc pula 15 responden sangat tidak setuju (20.3%), 27 responden tidak setuju dengan peratusan sebanyak 36.5%, 15(20.3%) kekerapan responden setuju dan 17 (23%). Majoriti responden setuju bahawa penggunaan aplikasi dalam talian ini sangat berkesan untuk digunakan semasa PKP ini dengan 26 kekerapan bersamaan dengan peratusan 35.1%.

Jadual 3

Analisis Deskriptif Tahap Penggunaan Aplikasi dalam Talian Pendidik Awal Kanak-kanak

Item	Kekerapan				Peratus			
	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
Saya berasa lebih mudah untuk mengajar dengan menggunakan aplikasi dalam talian semasa PKP.	12	14	14	10	16.2	18.9	18.9	13.5
Aplikasi <i>Whatsapp</i> yang digunakan semasa PdPc amat mudah untuk diakses dan diaplikasikan.	2	6	29	22	2.7	8.1	39.2	29.7
Aplikasi <i>Telegram</i> yang digunakan semasa PdPc amat mudah untuk diakses dan diaplikasikan.	10	9	19	15	13.5	12.2	25.7	20.3
Saya selesai menggunakan teknologi maklumat untuk pengajaran yang lebih efektif.	7	5	24	15	9.5	6.8	32.4	20.3
Saya berkemahiran dalam teknologi maklumat.	2	5	25	26	2.7	6.8	33.8	35.1
Penggunaan teknologi membolehkan kanak-kanak menjadi lebih aktif dan berminat dalam proses PdPc.	15	27	15	17	20.3	36.5	20.3	23.0
Penggunaan aplikasi dalam talian ini sangat berkesan untuk digunakan semasa PKP ini.	9	11	26	9	12.2	14.9	35.1	12.2

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa tahap penggunaan aplikasi dalam talian pendidik awal kanak-kanak di negeri Johor berada pada tahap yang memuaskan kerana majoriti dari mereka bersetuju dengan kenyataan bahawa penggunaan aplikasi dalam talian meningkatkan kemahiran mereka dalam teknologi maklumat. Dapatan ini juga menyokong kajian Najmi Syahiran Mamat (2020), bahawa sejak menjalani normal baharu, pendidik menjadi lebih kreatif dalam penggunaan PdPc. Ini kerana, pendidik akan lebih memanfaatkan

penggunaan teknologi yang ada untuk memastikan proses pembelajaran kanak-kanak tidak terabai sepanjang tempoh PKP berlangsung.

Saranan dari kerajaan juga perlu disahut oleh pendidik awal kanak-kanak untuk mempelbagaikan kaedah PdPc dari rumah. Pendidik perlu sensitif dan bersifat membimbing apabila menggunakan *WhatsApp* dan *Telegram* kerana sesi interaktif yang tidak terkawal boleh menjejaskan emosi pelajar dan prestasi akademik (Bouhnik & Deshen, 2014). Ini kerana dapatan kajian menunjukkan responden selesa dan mudah untuk menggunakan *WhatsApp* dan *Telegram* sebagai alat perhubungan dalam menyampaikan pengajaran mereka kepada kanak-kanak.

Nor Hidayati Mokhtar (2020), berkata pembelajaran dalam talian ini sebenarnya mampu menghasilkan seseorang yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (*Life Long Learning*). Kemahiran pembelajaran sepanjang hayat ini adalah salah satu kemahiran utama dalam Kemahiran Abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh setiap individu untuk berjaya dalam abad yang mencabar ini. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan teknologi maklumat melalui aplikasi dalam talian adalah metode pengajaran yang efektif untuk dilaksanakan kerana ianya mudah untuk di akses dan boleh digunakan pada bila-bila masa. Selain memudahkan kanak-kanak (kebanyakan telefon mempunyai aplikasi *Whatsapp*) kaedah ini juga membolehkan mereka belajar atau mengulangkaji pembelajaran mengikut waktu masing-masing serta boleh diulang semula sekiranya tidak faham.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, aplikasi dalam talian adalah berguna untuk tujuan PdPc dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak di negeri Johor semasa tempoh PKP. Kajian ini telah berjaya dilaksanakan dalam mengkaji tahap pengetahuan pendidik awal kanak-kanak dalam penggunaan aplikasi dalam talian semasa PKP untuk pelaksanaan PdPc. Penggunaan *Whatsapp* dalam proses PdPc memberi manfaat kepada kanak-kanak dalam mengetahui perkembangan kanak-kanak semasa tempoh PKP. Secara ringkasnya, penggunaan teknologi maklumat dalam bidang pendidikan memudahkan pembelajaran yang lebih berkesan walaupun terdapat beberapa kekangan. Walaubagaimanapun kekangan tersebut dapat diatasi sekiranya kerjasama dari pelbagai pihak untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia diberikan. Komitmen dari semua pihak amat diperlukan dalam memberikan mutu pendidikan yang terbaik setanding dengan pendidikan di negara-negara maju.

RUJUKAN

- Abdul Halim Masnan., & Nor Mashitah Mohd Radzi. (2015). Pengetahuan persediaan pengajaran guru prasekolah baru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 4, 90 - 108.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/848>
- Adenan Ayob. (2015). Perbandingan kesan penggunaan dua teknik pengajaran terhadap pencapaian penulisan ayat tunggal. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 4, 81 - 89.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/852>
- Azhar Ahmad, & Mohd Mahzan Awang (n.d). *Perbezaan aplikasi tmk dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah berpandukan demografi guru*. <https://www.moe.gov.my/numedia/media-cetak/penerbitan/jurnal/1326-jurnal-penyelidikan-pendidikan-2017-jilid-18/file>
- Bernama. (2020a, April 2). Cabaran mengajar dalam talian. *Sinar Harian*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional/Cabaran-mengajar-dalam-talian>

- Bernama. (2020b, April 6). Cabaran ibu berkerjaya sepanjang PKP. *Suara Sarawak*.
<https://suarasarawak.my/2020/04/06/cabaran-ibu-berkerjaya-sepanjang-pkp/>
- Bouhnik, D., & Deshen, M. (2014). WhatsApp goes to school: Mobile instant messaging between teachers and students. *Journal of Information Technology Education: Research*, 13, 217-231.
<http://www.jite.org/documents/Vol13/JITEv13ResearchP217-231Bouhnik0601.pdf>
- Chinazzi, M, Davis, J, Ajelli, M, Gioannini, C, Litvinova, M, Merler, S, Piontti, A, Mu, K, Rossi, L, Sun, K, Viboud, C, Yu, H, Halloran, M, Jr., I & Vespignani, A. (2020). The effect of travel restrictions on the spread of the 2019 novel coronavirus (COVID-19) outbreak. *Science*, 6 March.
- Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. (2020, April 6). *Masa operasi PKP tahap 2 (Kota Kinabalu)*.
<https://dbkk.sabah.gov.my/index.php/en/85-news/492-masaoperasi-pkp-tahap-2-kota-kinabalu>
- Ertmer, P. A., Ottenbreit-Leftwich, A. T., Sadik, O., Sendurur, E., & Sendurur, P. (2012). Teacher beliefs and technology integration practices: A critical relationship. *Computers & Education*, 423-435.
- Fatin Aliah Phang. (2020, April 27). Pembelajaran dalam talian untuk pembelajaran sepanjang hayat. *Newshub*.
<https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>
- Karabag, S. F. (2020). An unprecedented global crisis! the global, regional, national, political, economic and commercial impact of the coronavirus pandemic. *Journal of Applied Economics and Business Research*, 10(1), 1-6.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). <https://www.moe.gov.my>.
- Khairah, N. K. (2020, Mac 28). Edu Ministry introduces guidelines on online teaching, learning platforms. *New Straights Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/578945/edu-ministry-introduces-guidelines-online-teaching-learning-platforms>
- Krejcie, R. & Morgan, D. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Liu, Y., Gayle, A. A., Smith, A. W. & Rocklov, J. (2020). The reproductive number of Covid-19 is higher compared to SARS coronavirus. *Journal of Travel Medicine*, 27(2).
- M Fakhru Halim. (2020, April 11). Usahawan PKS ubah pendekatan berniaga ketika PKP. *Malaysia Kini*.
https://www.malaysiakini.com/news/520015?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebookCMAdKY25nKEDSNBeiooiVZJM
- Majlis Keselamatan Negara. (2020). *Kenyataan media, 18 Mac 2020*. Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
- Mohd Nazri Md Saad. (2017). Perkembangan media, multimedia dan teknologi maklumat masa kini. *The International Conference on Development of Education, Environment, Tourism, Economics, Politics, Arts and Heritage (ICDETAH2017)*, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Najmi Syahiran Mamat. (2020, April 21). Normal baharu: PKP jadikan guru lebih kreatif dalam penggunaan PdPc. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/normal-baharu-pkp-jadikan-guru-lebih-kreatif-dalam-penggunaan-pdpc-239446>
- Noor Fadzilah Ab Rahman, Rafiza Kasbun, NurKaliza Kahlid, Siti Azrehan Aziz, & Nur Hashima Mohamed. (2017). Penggunaan aplikasi visual dalam pembelajaran konsep dan asas pengaturcaraan. *National Pre University Seminar (NpreUS2017)*.
- Nor Hidayati Mokhtar. (2020, April 27) Pembelajaran dalam talian untuk pembelajaran sepanjang hayat. *Newshub*. <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>
- Noraini Mohamed Noh, Mohd. Arif Ismail, & Jamil Ahmad. (2010). Efikasi sendiri komputer dan penerimaan inovasi EduwebTV dalam kalangan Guru Perpustakaan Media di sekolah-sekolah Malaysia. *Prosiding, the 15th International Conference on Education*. Sultan Hassanali Bolkiah Institute of Education, Brunei, 24 -27 May. 2010.
- Norsita. (2014). Tinjauan awal interaksi guru-kanak-kanak dalam pemupukan pemikiran kreatif kanak-kanak prasekolah. *In Proceeding of the International Conference on Social Science Research*. Sabah Malaysia. ICSSR, 2014. 9-10 June 2014.
- Perutusan Khas Perdana Menteri. (2020, April 10). *Ucapan penuh perutusan khas Perdana Menteri mengenai Covid-19*. <https://www.pmo.gov.my/2020/04/perutusan-khas-perdana-menteri-10-april-2020/>
- Pursiainen, C. (2018). *The crisis management cycle*. 9(1st Ed.). Routledge.
- Qiu, W., Rutherford, S., Mao, A., & Chu, C. (2017). The pandemic and its impact. *Health, Culture and Society*, 9(10).
- Terpollari, M. (2011). Teacher`s role as mediator and facilitator. *European Scientific Journal*, 24, 68-74.
- Wiens, P. D., Hessberg, K., LoCasale-Crouch, J., & DeCoster, J. (2013). Using a standardized video-based assessment in a university teacher education program to examine preservice teachers knowledge related to effective teaching. *Teaching and Teacher Education: An International Journal of Research and Studies* 33(1), 24-33.
- World Health Organization. (2019). <https://www.who.int>